 - 6.3 **Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh** memberi pandangan supaya dimasukkan perkataan "Laporan Lembaga" di muka surat 34 Buku Laporan Tahunan 2013.

- 6.4 **Setiausaha KSB** memaklumkan tindakan akan diambil ke atas pandangan tersebut.
- 6.5 **Perwakilan Johor A, Haji A. Rahim bin A. Latib** telah menegur mengenai Pandangan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia ("SKM") ke atas Akaun Beraudit Koperasi Shamelin Berhad bagi tahun 2012 seperti berikut :
- 6.5.1 Di muka surat 207 Buku Laporan Tahunan 2013 di bawah perenggan (d) Peruntukan Hutang Ragu di mana beliau berpendapat ada kesilapan ke atas perkataan "Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 15/2015". Beliau inginkan penjelasan dari pihak SKM samada tahun 2015 itu betul ataupun salah.
 - 6.5.2 Di muka surat 205 Buku Laporan Tahunan 2013 di bawah perenggan (b) Prestasi Syarikat-syarikat Subsidiari, beliau berharap Lembaga dapat mengambil tindakan memperbaiki prestasi enam (6) subsidiari-subsidiari yang mengalami kerugian.
 - 6.5.3 Di muka surat 206 Buku Laporan Tahunan 2013 di bawah perenggan (c) Hutang Daripada Syarikat Subsidiari di mana beliau berpendapat KSB sepatutnya mendapatkan kelulusan dari pihak SKM sebelum memberi sebarang pendahuluan kepada syarikat subsidiari terutama Shamelin Bina Sdn Bhd sebanyak RM 1.3 juta.
- 6.6 **Setiausaha KSB** memaklumkan Lembaga sedang mengambil tindakan ke atas subsidiari-subsidiari yang mengalami kerugian dengan merangka aktiviti-aktiviti perniagaan yang sesuai untuk dijalankan bagi memulihkan subsidiari-subsidiari tersebut seperti yang dinyatakan di muka surat 210 Buku Laporan Tahunan 2013.
- 6.7 **Perwakilan Perlis, Encik Arof bin Haji Saad** merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Juruaudit Luar kerana telah menyediakan laporan audit dengan baik. Walau bagaimanapun, beliau menyatakan Juruaudit Dalam tidak memberi teguran yang membina di dalam laporan mereka di mana jumlah terhutang Shamelin Bina Sdn Bhd kepada KSB sepatutnya dianggap sebagai kerugian yang perlu ditanggung oleh KSB.
- 6.7.1 Beliau juga menyarankan agar syarikat-syarikat subsidiari yang mengalami kerugian ditutup dan diwujudkan yang baru sekiranya ada keperluan.
 - 6.7.2 Beliau mencadangkan agar KSB membuat kajian untuk mengimport beras wangi dari Thailand dengan mendapatkan AP (Approved Permit) atau kelulusan permit daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia dan seterusnya menjualnya atas jenama SHAMELIN.
 - 6.7.3 Beliau selanjutnya berharap pada masa hadapan kajian hendaklah di buat bagi menentukan daya maju sesuatu projek yang akan dilaksanakan oleh KSB.

- 6.8 **Setiausaha KSB** menyatakan Lembaga akan mengambil maklum ke atas cadangan untuk mendapatkan AP mengimport beras dari Kementerian berkaitan dan beliau bersetuju dengan saranan agar kajian terperinci dibuat ke atas sesuatu projek yang akan dijalankan di masa hadapan.
- 6.9 **Perwakilan Kedah E, Haji Saad bin Ahmad** telah merujuk kepada muka surat 68 dan 95 Buku Laporan Tahunan 2013 di bawah tajuk "Pelaburan Dalam Subsidiari" dan menyatakan sokongan ke atas pandangan perwakilan Johor A dan Perlis di mana syarikat-syarikat subsidiari yang rugi ini patut ditutup.
- 6.9.1 Beliau menyarankan KSB menceburi bidang perniagaan stesen minyak, penjualan air zam-zam dan menjadi ejen penjualan buah kurma serta minyak zaitun.
- 6.10 **Setiausaha KSB** memaklumkan Lembaga akan meneliti kesesuaian perniagaan-perniagaan yang dicadangkan samada ianya berdaya maju atau sebaliknya.
- 6.11 **Perwakilan Terengganu, Haji Abdul Latiff bin Mat Hussin** telah menegur mengenai kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat subidiari dan pelaburan-pelaburan yang disertai seperti aiskrim D'Pelangi dan penternakan ikan keli.
- 6.11.1 Beliau juga mencadangkan agar pelantikan anggota Jawatankuasa-jawatankuasa yang diwujudkan oleh KSB dikekalkan sekurang-kurangnya dalam tempoh dua (2) penggal.
- 6.12 **Setiausaha KSB** memaklumkan Lembaga telah membuat peruntukan rosot nilai ke atas pelaburan aiskrim D'Pelangi dan penternakan ikan keli yang telah mengalami kerugian seperti dinyatakan di muka surat 209 Buku Laporan Tahunan 2013.
- Setiausaha KSB** mengambil maklum ke atas cadangan tempoh pelantikan anggota Jawatankuasa-jawatankuasa yang dikemukakan oleh Perwakilan Terengganu itu.
- 6.13 **Perwakilan Kedah B, Haji Wan Ibrahim bin Haji Wan Jusoh** berpendapat KSB tidak perlu menubuh syarikat subsidiari bagi menjalankan perniagaan baru, contohnya pengimportan beras melainkan perniagaan-perniagaan yang diwajibkan oleh SKM perlu dikendalikan di bawah syarikat subsidiari.
- 6.13.1 Beliau juga menyokong pandangan perwakilan Johor A, Perlis, dan Kedah E di mana syarikat-syarikat subsidiari yang rugi ini patut ditutup.
- 6.13.2 Beliau inginkan penjelasan mengenai kedudukan pelaburan KSB di dalam Kasturi Klasik Sdn Bhd seperti yang terdapat di muka surat 37 Buku Laporan Tahunan 2013.
- 6.13.3 Beliau juga inginkan penjelasan mengenai status tanah kosong Lot 2704 Mukim Bandar Kulim, Kedah, seperti di muka surat 37 Buku Laporan Tahunan 2013.
- 6.13.4 Beliau juga inginkan penjelasan mengenai kedudukan dua (2) kes litigasi seperti di muka surat 37 Buku Laporan Tahunan 2013.

- 6.13.5 Beliau juga menegur mengenai pandangan SKM ke atas laporan Juruaudit Luar bagi akaun beraudit tahun 2012 berhubung dengan aset Kumpulan Wang Rizab Statutori ("KWRS") yang mana hanya berjumlah RM8.19 juta pada tahun 2013 berbanding dengan KWRS yang berjumlah RM18.6 juta.
- 6.14 **Setiausaha KSB** memaklumkan KSB telah mendapat pulangan balik berjumlah RM595,000 ke atas pelaburan sebanyak RM500,000 di dalam perniagaan aiskrim Mingomingo yang dikendalikan oleh Kasturi Klasik Sdn. Bhd.
- 6.14.1 Beliau memaklumkan KSB berhasrat untuk menjual tanah kosong Lot 2704 Mukim Bandar Kulim, Kedah dengan harga sekurang-kurangnya RM3.1 juta berbanding dengan harga belian sebanyak RM2.1 juta.
- 6.14.2 Beliau selanjutnya memaklumkan dua (2) kes litigasi yang dimaksudkan adalah :
- i. VC Gold Sdn Bhd berjumlah RM2.069 juta; dan
 - ii. Syed Abd Rahman bin Syed Mohd berjumlah RM0.289 juta.
- 6.14.3 Beliau seterusnya memaklumkan KSB akan terus berusaha untuk meningkatkan aset KWRS agar ia sama amaunnya dengan KWRS.
- 6.15 **Perwakilan Negeri Sembilan, Datuk Haji Ali bin Ab Majid** mencadangkan satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan pada mesyuarat hari ini bagi mengkaji sebab-sebab kerugian ke atas enam (6) syarikat subsidiari KSB yang mana keanggotaannya hendaklah bukan dari kalangan Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman.
- 6.16 **Setiausaha KSB** mengambil maklum ke atas cadangan penubuhan Jawatankuasa Khas yang dikemukakan oleh Perwakilan Negeri Sembilan itu.
- 6.17 **Perwakilan Kedah B, Haji Wan Ibrahim bin Haji Wan Jusoh** mencadangkan Agenda 6 diterima.
- Perwakilan Melaka, Haji Abu Bakkar bin Shawkat Ali** menyokong cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 7 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA BERSERTA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT LUAR, CADANGAN PEMBAYARAN DIVIDEN, PENGISYTIHARAN SYER BONUS DAN PEMBERIAN HONORARIUM KEPADA LEMBAGA

- 7.1 **Bendahari KSB** telah membentangkan Akaun-akaun Teraudit bagi Koperasi Shamelin Berhad serta subsidiari-subsidiarinya berserta dengan Laporan Juruaudit Luar, Cadangan Pembayaran Dividen, Pengisytiharan Syer Bonus dan Pemberian Honorarium kepada Anggota Lembaga sebagaimana yang terdapat di dalam Buku Laporan Tahunan 2013, dari muka surat 46 hingga 188 serta Kembaran 1 (warna biru), untuk ditimbang dan diluluskan.
- 7.2 **Bendahari KSB** juga telah memaklumkan jumlah dividen yang dicadangkan ialah sebanyak 10% dan syer bonus sebanyak 5% ke atas modal syer anggota.

7.3 **Bendahari KSB** juga memaklumkan bahawa usahasama bagi membangunkan tanah seluas 3 ekar di Taman Shamelin Perkasa yang diberi nama projek Shamelin STAR akan memberi keuntungan minimum kepada KSB sebanyak RM48.4 juta. Namun begitu, berdasarkan kadar harga jualan terkini keuntungan yang dijangka akan diperolehi ialah RM71.8 juta.

7.3.1 Beliau juga memaklumkan usahasama bagi membangunkan sebidang tanah lagi seluas 1.13 ekar dengan HKS Development Sdn Bhd akan memberi keuntungan minimum sebanyak RM19.0 juta. Dengan keuntungan dari kedua-dua projek ini, beliau menjangkakan kedudukan kewangan KSB dalam tempoh 4 hingga 5 tahun ini akan terus kukuh.

7.3.2 Beliau menjelaskan Lembaga telah bersetuju untuk mengadakan forensik audit bagi mengenal pasti kerugian Shamelin Bina Sdn Bhd. Lembaga telah memohon kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia ("SKM") bagi menjalankan forensik audit tersebut, namun begitu pihak SKM telah memaklumkan tidak dapat melaksanakan pemeriksaan forensik audit disebabkan ketiadaan sumber rujukan dan pengesahan untuk maklumat-maklumat yang diperlukan bagi melengkapkan pemeriksaan tersebut.

7.3.3 Beliau selanjutnya menyatakan keputusan Lembaga untuk tidak menutup syarikat subsidiari yang rugi bertujuan memudahkan KSB menggunakan syarikat subsidiari tersebut memandangkan proses untuk mendapat kelulusan dari SKM bagi penubuhan subsidiari baru mengambil masa yang lama.

7.3.4 Beliau juga menjelaskan kerugian yang dialami oleh syarikat subsidiari sebahagiannya adalah pembayaran elaun Lembaga Pengarah yang dilantik terdiri daripada Anggota Lembaga dan beberapa orang para perwakilan.

7.3.5 Beliau seterusnya memaklumkan Lembaga telah bersetuju untuk menaikkan elaun kehadiran ke Mesyuarat Agung Kawasan dari RM80.00 kepada RM100.00 seorang dan akan dilaksanakan bermula pada tahun 2015 akan datang.

7.3.6 Beliau juga menyatakan Lembaga telah memutuskan untuk menyediakan peruntukan pada tahun tidak diadakan Mesyuarat Agung Kawasan kepada 25 kawasan bagi mengadakan mesyuarat. Perkiraan peruntukan ini adalah berasaskan kepada jumlah jawatankuasa kawasan iaitu RM200.00 bagi setiap jawatankuasa. Manakala perbelanjaan bagi urusan persiapan mesyuarat disediakan sebanyak RM200.00 bagi setiap kawasan.

7.3.7 Beliau menyatakan Lembaga juga bersetuju untuk menaikkan bayaran elaun kehadiran MAP sebanyak 20% daripada jumlah kadar elaun kehadiran sekarang dan akan bermula pada tahun ini.

7.3.8 Beliau turut menyatakan hasrat untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi membantu beliau memulihkan syarikat-syarikat subsidiari yang rugi.

7.4 **Perwakilan Johor A, Haji A. Rahim bin A. Latib** mencadangkan Agenda 7 diterima.

Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh menyokong cadangan tersebut.

- 7.5 **Perwakilan Kedah B, Haji Wan Ibrahim bin Haji Wan Jusoh** berpendapat sebelum Agenda 7 ini diluluskan, para perwakilan harus diberi peluang untuk mengemukakan soalan dan pandangan ke atas Agenda ini.
- 7.6 **Pengerusi Mesyuarat** menjelaskan Agenda 7 ini telah diluluskan memandangkan ada pencadang dan penyokongnya. Bagi mendapat persetujuan semua para perwakilan, beliau telah menyarankan agar diadakan undi secara angkat tangan bagi menentukan samada Agenda ini boleh diterima atau perlu dibentangkan semula.
- Setelah undian dijalankan, beliau seterusnya mengumumkan majoriti perwakilan telah mengundi Agenda 7 ini untuk diterima dan diluluskan.
- 7.7 **Perwakilan Perak A, Hajah Aishah binti Ahmad Nadzri** inginkan penjelasan dari Juruaudit Luar, Tetuan A. Razak & Co. mengenai perenggan "Penekanan Isu" di akaun beraudit Gemar Kurnia Sdn Bhd di muka surat 88 Buku Laporan Tahunan 2013.
- 7.8 **Juruaudit Luar, Tetuan A. Razak & Co.** menerangkan bahawa akaun beraudit Gemar Kurnia Sdn Bhd bagi tahun 2013 secara kumpulan dan syarikat telah menunjukkan kerugian dan liabiliti semasa juga melebihi aset masing-masing dan ini menunjukkan ketidakpastian keupayaan syarikat untuk meneruskan operasinya. Pada pandangan beliau, langkah-langkah positif perlu diambil oleh pihak Lembaga untuk memastikan Gemar Kurnia Sdn Bhd dan subsidiari-subsidiarinya terus beroperasi dan beroleh keuntungan.

AGENDA 8 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA BAGI TAHUN 2014 DAN 2015

- 8.1 **Bendahari KSB** membentangkan Belanjawan Koperasi Shamelin Berhad dan subsidiari-subsidiarinya bagi tahun 2014 dan 2015 di muka surat 189 hingga 195 Buku Laporan Tahunan 2013, untuk ditimbang dan diluluskan.
- 8.2 **Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh** mencadangkan Agenda 8 diterima dan diluluskan.
- Perwakilan Perak B, Haji Arshad bin Abdul Aziz** menyokong cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 9 : MEMILIH EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA MENURUT UNDANG-UNDANG KECIL 38 (1)

- 9.1 **Pengerusi Mesyuarat** mengumumkan nama empat (4) orang Anggota Lembaga berikut menurut uuk 38(1) yang akan mengosongkan jawatan dan layak untuk dipilih semula :
- i) Haji Kamarudin bin Md Noor
 - ii) Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan
 - iii) Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim
 - iv) Dato' Haji Johar bin Haji Rusi
- 9.2 **Pengerusi Mesyuarat** seterusnya memperkenalkan sebelas (11) calon yang akan bertanding bagi mengisi empat (4) kekosongan jawatan anggota Lembaga seperti berikut :
- i) Haji Kamarudin bin Md Noor
(Anggota Lembaga)
 - ii) Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan
(Anggota Lembaga)
 - iii) Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim
(Anggota Lembaga)

- iv) Dato' Haji Johar bin Haji Rusi
(Anggota Lembaga)
- v) Haji Abu Bakkar bin Shawkat Ali
(Perwakilan Melaka)
- vi) Haji A. Rahim bin A. Latib
(Perwakilan Johor A)
- vii) Haji Zainal bin Othman
(Perwakilan Kelantan A)
- viii) Haji Abdul Latiff bin Mat Hussin
(Perwakilan Terengganu)
- ix) Haji Ismail bin Muda
(Perwakilan Terengganu)
- x) Haji Abdul Hadi bin Abdul Malek
(Perwakilan Selangor B)
- xi) Haji Mohamed Afandi bin Ismail
(Perwakilan Selangor B)

- 9.3 **Setiausaha KSB** memaklumkan calon ke sebelas (11) Haji Mohamed Afandi bin Ismail, Perwakilan Selangor B telah menarik diri dari bertanding.
- 9.4 **Setiausaha KSB** seterusnya memaklumkan MAP kali ini perlu memilih empat (4) orang anggota Lembaga bagi mengisi kekosongan daripada sepuluh (10) orang calon yang dicalonkan dan kesemua calon telah ditentukan oleh SKM serta mempunyai pencadang dan penyokong. Beliau juga memaklumkan pengundian ini akan dijalankan secara undi sulit.
- 9.5 **Perwakilan Wilayah Persekutuan, Dr. Haji Arriffin bin Mansor** memohon MAP Ke-30 ini merekodkan bantahan beliau ke atas penolakan pencalonan beliau bagi pelantikan Anggota Lembaga Koperasi.
- 9.6 **Pengerusi Mesyuarat** telah mengumumkan keputusan undian ke atas calon-calon tersebut yang mana telah dikira dan disahkan oleh wakil Juruaudit Luar, Tetuan A. Razak & Co. seperti berikut :

Nama Calon	Jumlah Undi
i) Haji Kamarudin bin Md Noor	150
ii) Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan	150
iii) Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	100
iv) Dato' Haji Johar bin Haji Rusi	74
v) Haji Abu Bakkar bin Shawkat Ali	64
vi) Haji Abdul Latiff bin Mat Hussin	50
vii) Haji Zainal bin Othman	31
viii) Haji Ismail bin Muda	29
ix) Haji A. Rahim bin A. Latib	28
x) Haji Abdul Hadi bin Abdul Malek	19

- 9.7 Dengan keputusan tersebut, **Pengerusi Mesyuarat** telah mengisytiharkan keempat-empat orang perwakilan yang berjaya dipilih untuk mengisi empat (4) kekosongan jawatan anggota Lembaga menurut uuk 38(1) seperti berikut:
- i) Haji Kamarudin bin Md Noor
 - ii) Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan
 - iii) Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim
 - iv) Dato' Haji Johar bin Haji Rusi

AGENDA 10 : MEMBENTANGKAN BAYARAN ELAUN-ELAUN BERIKUT :

- I. MENGEKALKAN BAYARAN ELAUN BULANAN KEPADA PENERUS, SETIAUSAHA, BENDAHARI KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN PENERUS BAGI SUBSIDIARI-SUBSIDIARI YANG AKTIF;
- II. MENGEKALKAN BAYARAN ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT BAGI ANGGOTA LEMBAGA, JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN SERTA ANGGOTA-ANGGOTA YANG DILANTIK SEBAGAI LEMBAGA PENGARAH BAGI SUBSIDIARI-SUBSIDIARI KOPERASI SHAMELIN BERHAD; DAN
- III. MENGEKALKAN BAYARAN ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT BAGI PENERUS JAWATANKUASA KECIL, ANGGOTA LEMBAGA DAN PERWAKILAN YANG DILANTIK MENGANGGOTAI JAWATANKUASA KECIL-JAWATANKUASA KECIL

10.1 **Bendahari KSB** telah membentangkan cadangan mengekalkan kadar elaun-elaun di atas sepertimana yang telah diluluskan di MAP Ke-29 pada 23 Jun 2013 yang lalu.

10.2 **Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh** mencadangkan kesemua kadar elaun tersebut dikekalkan dan diluluskan.

Perwakilan Perlis, Encik Arof bin Haji Saad menyokong cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 11 : MELULUSKAN PELANTIKAN SUATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA (2) FIRMA AUDIT UNTUK DIPILIH SALAH SATU DARIPADANYA BAGI MENGAUDIT AKAUN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

11.1 **Bendahari KSB** membentangkan empat (4) firma audit untuk dipilih salah satu daripadanya bagi mengaudit KSB dan subsidiari-subsidiarinya seperti di Buku Laporan Tahunan 2013, muka surat 198.

11.2 **Perwakilan Melaka, Haji Ali bin Mahadi** mencadangkan keempat-empat (4) firma audit yang disenaraikan itu diterima untuk dipilih salah satu daripadanya oleh anggota Lembaga.

Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh menyokong dengan cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 12 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIYAI OLEH WANG BERLEBIHAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

12.1 **Bendahari KSB** membentangkan skop dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang berlebihan KSB dan subsidiari-subsidiarinya sebanyak RM10.0 juta seperti yang dibentangkan di Buku Laporan Tahunan 2013, muka surat 199.

12.2 **Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh** mencadangkan supaya Agenda 12 yang dibentangkan diterima dan diluluskan.

Perwakilan Pulau Pinang A, Haji Hafiz bin Muhamad Hanan menyokong dengan cadangan itu dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 13 : MENETAPKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN SUBSIDIARI-SUBSIDIARINYA

- 13.1 **Bendahari KSB** membentangkan had maksimum keterhutangan KSB dan subsidiari-subsidiarinya sebanyak RM230.0 juta seperti dibentangkan di Buku Laporan Tahunan 2013, muka surat 200.
- 13.2 **Perwakilan Johor A, Haji A. Rahim bin A. Latib** mencadangkan had maksimum keterhutangan KSB dan subsidiari-subsidiarinya sebanyak RM230.0 juta diterima dan diluluskan.

Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh menyokong cadangan tersebut dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 14 : MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN USUL-USUL BERTULIS ATAU URUSAN LAIN YANG SATU NOTIS TIDAK KURANG DARI TUJUH (7) HARI TELAH DIKEMUKAKAN OLEH ANGGOTA TERMASUK PERKARA-PERKARA YANG MANA ANGGOTA TERKILAN DENGAN KEPUTUSAN LEMBAGA

- 14.1 **Setiausaha KSB** membentangkan satu (1) usul Lembaga bagi meminda Aturan Skim Khairat Kematian seperti yang terdapat di Kembaran 2 (warna hijau) untuk didengar, ditimbang dan diputuskan.
- 14.2 Beliau seterusnya menerangkan sejak tahun 2010 Koperasi Shamelin Berhad ("KSB") telah mewujudkan skim khairat kematian untuk anggota dengan tujuan memberi perlindungan berbentuk manfaat sebanyak RM1,500.00 kepada waris anggota apabila berlakunya kematian ke atas diri anggota itu sendiri dengan sumbangan tahunan RM10.00. Penama atau pewaris boleh membuat tuntutan skim khairat kematian anggota dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kematian.
- 14.3 Beliau seterusnya membentangkan cadangan pindaan ke atas Aturan tersebut seperti berikut :
- 14.3.1 Tempoh tuntutan skim khairat kematian dikekalkan pada tempoh tiga (3) bulan. Walau bagaimanapun bagi permohonan yang melebihi tempoh tiga (3) bulan tetapi tidak melebihi enam (6) bulan boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kelulusan Lembaga.
- 14.3.2 Mengadakan caruman dan manfaat tambahan mengikut syer anggota seperti berikut :

<u>Syer</u>	<u>Manfaat</u>	<u>Caruman</u>
<u>Kategori 1</u>		
Anggota syer kurang dari RM200.00	RM1,500.00	RM10.00
<u>Kategori 2</u>		
Anggota syer RM200.00 dan ke atas	RM2,000.00	RM20.00

Dengan tambahan caruman ini maka manfaat kepada anggota juga ditambah seperti berikut :

Kategori 1

Bagi anggota yang syer kurang dari RM200.00 dengan caruman sebanyak RM10.00 setahun, manfaat sebanyak RM1,500.00 akan disediakan kepada waris apabila berlakunya kematian ke atas diri anggota itu.

Kategori 2

Bagi anggota yang syer RM200.00 dan ke atas dengan caruman sebanyak RM20.00 setahun, manfaat akan disediakan kepada anggota atau waris seperti berikut :

- (a) Sekiranya berlaku kematian ke atas diri anggota itu sendiri, manfaat sebanyak RM2,000.00 akan disediakan kepada waris anggota.

ATAU

- (b) (i) Sekiranya isteri pertama atau suami atau anak anggota di bawah 21 tahun dan belum berkahwin meninggal dunia, manfaat sebanyak RM500.00 akan disediakan kepada anggota; dan
- (ii) Sekiranya anggota itu sendiri pula meninggal dunia pada tahun yang sama selepas berlaku kematian kepada isteri pertama atau suami atau anak anggota di bawah 21 tahun dan belum berkahwin, maka manfaat sebanyak RM1,500.00 akan disediakan kepada waris anggota.

ATAU

- (c) Sekiranya anggota itu sendiri dan isteri pertama atau suami atau anak anggota di bawah 21 tahun dan belum berkahwin, meninggal dunia bersama-sama, maka manfaat sebanyak RM2,500.00 akan disediakan kepada waris anggota.

14.3.3 KSB akan memperuntukkan sejumlah RM50,000.00 dalam dana Skim Khairat Kematian setahun bermula pada tahun ini.

14.4 **Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh** mencadangkan usul Lembaga yang dibentangkan diterima dan diluluskan.

Perwakilan Terengganu, Haji Abdul Latiff bin Mat Hussin menyokong cadangan ini dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 15 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI SHAMELIN BERHAD DAN ATURAN-ATURAN, JIKA ADA

15.1 **Setiausaha KSB** telah membentangkan cadangan Aturan-aturan Kerjasama Antara Koperasi Shamelin Berhad Dengan Koperasi-koperasi Atau Agensi-agensi Lain Dalam Perniagaan Ar-Rahnu di Kembaran 3 (warna merah jambu) untuk ditimbang dan diluluskan.

15.2 **Perwakilan Pulau Pinang B, Haji Abd Aziz bin Mohd Salleh** mencadangkan supaya tajuk aturan tersebut ditukarkan kepada "Aturan Aktiviti Dan Kerjasama Antara Koperasi Shamelin Berhad Dengan Koperasi-koperasi Atau Agensi-agensi Lain Dalam Perniagaan Ar-Rahnu" dan seterusnya mencadangkan Agenda 15 ini diluluskan.

Perwakilan Terengganu, Haji Abdul Latiff bin Mat Hussin menyokong cadangan ini dan dipersetujui sebulat suara oleh para perwakilan.

AGENDA 16 : MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA LAPORAN YANG HENDAK DIKEMUKAKAN MENURUT KEHENDAK AKTA DAN PERATURAN, JIKA ADA

- 16.1 **Setiausaha KSB** memaklumkan tiada apa-apa laporan yang hendak dikemukakan menurut Akta dan Peraturan.

AGENDA 17 : UCAPAN PENANGGUHAN PENERUSI KOPERASI SHAMELIN BERHAD

- 17.1 **Wakil Pengerusi KSB, Dato' Haji Azumu bin Haji Tak** mengucapkan syabas dan tahniah kepada Anggota Lembaga yang baru dipilih di MAP Ke-30 ini. Beliau seterusnya mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Mesyuarat yang telah menjalankan tugasnya dengan baik. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada para perwakilan yang hadir dan telah memberi pandangan-pandangan bernas serta berbincang dengan semangat kekeluargaan demi kebaikan bersama, selaras dengan konsep penyatuan ummah. Beliau seterusnya berjanji Lembaga akan meneliti semua pandangan yang diberikan oleh para perwakilan itu.
- 17.2 Beliau juga menyentuh mengenai pelantikan Jurucakap Kawasan yang dipertikaikan oleh sebahagian perwakilan semasa MAP Ke-30 ini. Menurut beliau, pelantikan jurucakap semasa MAP Ke-30 ini telah dimaklumkan kepada semua kawasan dan pelantikan mereka telah dipersetujui oleh Jawatankuasa setiap kawasan. Lanjutan dari pelantikan tersebut, satu (1) mesyuarat bersama Pengerusi dan Jurucakap Kawasan telah diadakan pada malam sebelum MAP Ke-30 diadakan yang bertujuan melancarkan perjalanan MAP ini.

AGENDA 18 MESYUARAT DITANGGUHKAN

- 18.1 **Pengerusi Mesyuarat** mengucapkan terima kasih kepada Wakil Pengerusi KSB atas ucapan penangguhan tersebut. Beliau memohon maaf jika terdapat kesilapan semasa mempengerusikan MAP KSB Ke-30 ini dan mengucapkan terima kasih kepada para perwakilan yang hadir.
- 18.2 **Pengerusi Mesyuarat** telah menangguhkan MAP KSB Ke-30 pada jam 12.30 tengahari dengan selawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. serta zikir munajat.



Ditentukan oleh Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi Shamelin Berhad ke-30 yang diadakan pada hari Rabu, 9 Julai 2014 di Bilik Mesyuarat, Koperasi Shamelin Berhad, No. 38-7-4 Bangunan SHAMELIN, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur jam 5.00 petang

BAHAWA KAMI, yang dipilih semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Shamelin Berhad ke-30, telah

- i. meneliti, menyemak dan membuat pindaan-pindaan sewajarnya pada draf minit serta
- ii. memperakukan pengesahan minit berkenaan.

NAMA	JAWATAN	TANDATANGAN
1. YBhg. Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan	Pengerusi Anggota Lembaga	
2. YBhg. Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	Bendahari/ Anggota Lembaga	
3. YBhg. Tuan Haji Md Akib bin Hashim	Anggota Lembaga	
4. YBhg. Puan Hajah Zainab binti Haji Abu	Anggota Lembaga	
5. YBhg. Tuan Haji Abdul Aziz bin Mohd Salleh	Perwakilan P. Pinang B	
6. YBhg. Encik Abu Bakar bin Basuni	Perwakilan W. Persekutuan	
7. YBhg. Encik Hashim bin Omar	Perwakilan Kedah B	
8. YBhg. Encik Kasim bin Darus	Perwakilan Selangor B	
9. YBhg. Datuk Haji Ali bin Ab Majid	Perwakilan N. Sembilan	
10. YBhg. Tuan Haji Abdullah bin Mohd Sultan	Perwakilan P. Pinang A	
Turut Hadir :		
1. YBhg. Tuan Haji Kamarudin bin Md Noor	Setiausaha/ Anggota Lembaga	
2. YBhg. Puan Hajah Norhaniza binti Abd Rani	Pengurus Besar	

38-6-4 Bangunan SHAMELIN, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur.

Tel : 03 - 9285 2155 Faks : 03 - 9285 5606

Emel: info@shamelin.com Laman Web: www.shamelin.com facebook.com/koperasishamelinberhad

LAPORAN LEMBAGA



Berdiri dari Kiri :

Haji Md Akib bin Hashim, Dato' Haji Johar bin Haji Rusi, Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan, Dato' Haji Azumu bin Haji Tak, Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh, Dato' Haji Hashim bin Ahmad, Hajah Zainab binti Haji Abu dan Hajah Norhaniza binti Abd Rani (Ketua Pegawai Eksekutif)

Duduk dari Kiri :

Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman, Haji Kamarudin bin Md. Noor (Setiausaha), Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan (Pengerusi), Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim (Bendahari) dan Datuk Haji Abu bin Pit

Bil	Nama	2013 / 2014						2014 / 2015				
		25/01/2014	03/03/2014	10/04/2014	08/05/2014	12/06/2014	21/06/2014	22/06/2014	09/07/2014	27/08/2014	15/10/2014	
1	Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman	X	✓	✓	X	✓	X	X	X	✓	✓	05/10
2	Haji Kamarudin bin Md. Noor **	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	10/10
3	Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan *	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	09/10
4	Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim ***	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	10/10
5	Dato' Haji Johar bin Haji Rusi	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	10/10
6	Datuk Haji Abu bin Pit	X	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	08/10
7	Hajah Zainab binti Haji Abu	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	10/10
8	Haji Md Akib bin Hashim	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	10/10
9	Dato' Haji Azumu bin Haji Tak	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	09/10
10	Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	10/10
11	Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan	✓	✓	✓	X	✓	X	X	X	X	✓	05/10
12	Dato' Haji Hashim bin Ahmad	✓	✓	✓	X	✓	✓	✓	✓	✓	✓	09/10

✓	Hadir
X	Tidak Hadir dengan maaf

*	Dipilih menjadi Pengerusi pada 22/06/2014
**	Dipilih menjadi Setiausaha pada 22/06/2014
***	Dipilih menjadi Bendahari pada 22/06/2014

JAWATANKUASA - JAWATANKUASA

JAWATANKUASA KEANGGOTAAN DAN PENTADBIRAN

Memantau keperluan dan kebajikan kakitangan untuk memastikan pencapaian kemajuan KSB dan subsidiarinya setaraf dengan industri perniagaan yang ada bagi memastikan kelancaran pentadbiran serta keberkesanan dalam menjaga kebajikan anggota

NAMA	2013/2014			2014/2015		
	24/2/14	22/4/14	12/6/14	2/10/14	28/11/14	
Haji Kamarudin bin Md Noor	✓	✓	✓	✓	✓	5/5
Hajah Zainab binti Haji Abu	✓	✓	✓	✓	✓	5/5
Haji Md Akib bin Hashim *	✓	✓	✓			3/3
Haji Yahaya bin Jaafar *	✓	✓	✓			3/3
Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh **				✓	✓	2/2
Haji Mukhtar bin Mahmud **				✓	✓	2/2

JAWATANKUASA KEWANGAN

Memantau kedudukan kewangan KSB dan subsidiari-subsidiari bagi memastikan berada di landasan yang baik

NAMA	2013/2014	2014/2015			
	21/1/14	21/7/14	25/9/14	1/12/14	
Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan *	✓				1/1
Dato' Haji Azumu bin Haji Tak	✓	✓	✓	✓	4/4
Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan *	✓				1/1
Dato' Haji Hashim bin Ahmad *	✓				1/1
Haji Abu Bakkar bin Shawkat Ali *	✓				1/1
Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim **		✓	✓	✓	3/3
Dato' Haji Johar bin Haji Rusi **		✓	✓	✗	2/3
Datuk Haji Abu bin Pit **		✗	✓	✓	2/3
Datuk Haji Mohamed bin Darus **		✗	✗	✓	1/3

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Menilai dan memantau setiap cadangan perniagaan baru yang dicadangkan bagi memastikan keberkesanan untuk dijayakan bagi mengelak penangguhan kerugian

NAMA	2013/2014	2014/2015		
	24/2/14	26/9/14	14/11/14	
Datuk Haji Abu bin Pit	✓	✗	✓	2/3
Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim *	✓			1/1
Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan *	✓			1/1
Haji Ismail bin Muda *	✓			1/1
Dato' Haji Mohd Amran bin Wahid *	✓			1/1
Haji Md Akib bin Hashim **		✓	✓	2/2
Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh **		✓	✓	2/2
Haji Mohd Munir @ Mohamad Mozin bin Shuib **		✓	✗	1/2

JAWATANKUASA AR-RAHNU

Menilai dan memantau perkembangan dan kelancaran operasi Ar-Rahnu

NAMA	2013/2014		2014/2015	
	20/1/14	6/4/14	3/10/14	
Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim *	✓	✓		2/2
Dato' Haji Johar bin Haji Rusi	✓	✓	✓	3/3
Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh *	✓	✓		2/2
Haji Zainal bin Othman *	✓	✓		2/2
Awang Amat bin Awang Taip *	✓	✓		2/2
Dato' Haji Hashim bin Ahmad **			✓	1/1
Hajah Zainab binti Haji Abu **			✓	1/1
Datuk Haji Idris bin Muhamood **			✓	1/1
Haji Yahaya bin Jaafar **			✓	1/1

JAWATANKUASA HARTANAH

Memantau dan menilai daya maju setiap projek hartanah dan berusaha mengadakan bank tanah untuk kesinambungan projek KSB

NAMA	2013/2014		2014/2015		
	24/2/14	28/4/14	11/8/14	15/10/14	
Dato' Haji Johar bin Haji Rusi *	✓	✓			2/2
Datuk Haji Abu bin Pit	✓	✓	✓	✓	4/4
Dato' Haji Hashim bin Ahmad *	✓	✓			2/2
Haji Abdul Latiff bin Mat Hussin	✓	✓	✓	✓	4/4
Dato' Haji Azumu bin Haji Tak **			✓	✓	2/2
Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan **			✗	✗	-/2

JAWATANKUASA PENCALONAN PELANTIKAN ATAU PELANTIKAN SEMULA ANGGOTA LEMBAGA

Menilai dan meneliti kelayakan calon-calon anggota Lembaga dalam proses pelantikan atau pelantikan semula anggota Lembaga Koperasi untuk ditentusah oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebagaimana diperuntukkan di bawah subseksyen 43 (2) Akta Koperasi 1993

NAMA	10/4/2014	
Datuk Haji Abu bin Pit	✓	1/1
Hajah Zainab binti Haji Abu	✓	1/1
Dato' Haji Azumu bin Haji Tak	✓	1/1
Dato' Haji Hashim bin Ahmad	✓	1/1

JAWATANKUASA SIASATAN

Meneliti dan menyiasat aduan untuk diputuskan tindakan

NAMA	2013/2014		2014/2015	
	1/4/14	28/4/14	27/11/14	
Dato' Haji Azumu bin Haji Tak	✓	✓	✓	3/3
Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan	✓	✓	✗	2/3
Dato' Haji Hashim bin Ahmad	✓	✓	✓	3/3
Datuk Haji Abu bin Pit **			✓	1/1

✓ Hadir

✗ Tidak Hadir dengan maaf

□ Tidak Terlibat

* Tidak dilantik semula bagi sesi 2014/2015

** Dilantik bagi sesi 2014/2015

PELABURAN

TARIKH PELABURAN	PELABURAN	PELABURAN ASAL (RM)	NILAI PELABURAN PADA 31/12/2014 (RM)	KEUNTUNGAN/DIVIDEN TERKUMPUL SEHINGGA KINI (RM)
Subsidiari				
31/12/1982	KSB Hartanah Sdn Bhd	20,002	20,002	-
31/12/1996	Shamelin Bina Sdn Bhd	1,000,000	500,000	-
12/01/2011	Gemar Kurnia Sdn Bhd	2	2	-
	Jumlah	1,020,004	520,004	-
Syer				
31/03/1984	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	1,000	14,226	215,663
07/05/2003	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	95,000	95,000	
25/05/2012	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	100,000	100,000	
17/07/2012	Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad	100,000	100,000	
16/02/2012	Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad ("KOPSYA")	10,000	10,000	-
03/08/2012	Koperasi Bank Persatuan Malaysia Berhad	20,000	21,200	2,800
	Jumlah	326,000	340,426	218,463
Lain-lain				
27/07/1994	FAMA Consortium (M) Sdn Bhd (AP Kobis)	15,000	30,000	421,378
	Jumlah	15,000	30,000	421,378
	JUMLAH KESELURUHAN	1,361,004	890,430	639,841

HARTANAH

KOPERASI SHAMELIN BERHAD

LOKASI	ANGGARAN NILAI SEMASA (RM)	STATUS / CADANGAN
1. Tanah kosong di Pekan Yan, Kedah	36,000	Tanah kosong untuk dimajukan
2. Tapak perdagangan seluas 3.02 ekar Lot 11749 dan 11750 di Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur	19,800,000	Pembinaan 'Shamelin Star' dengan 630 unit Servis Apartment 35 tingkat, 31 unit kedai, 1 tingkat bawah tanah tempat letak kereta, 6 tingkat podium tempat letak kereta dan 1 tingkat ruang kemudahan. Pembangunan usahasama dengan Landmark Zone(M) Sdn Bhd
3. Tapak perdagangan seluas 1.13 ekar Lot 11806 dan 54700 di Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur	7,300,000	Cadangan pembinaan 318 unit Servis Apartment 27 tingkat, 8 unit kedai 2 tingkat, 6 tingkat podium tempat letak kereta dan 1 tingkat ruang kemudahan. Pembangunan usahasama dengan HKS Development Sdn Bhd
4. Dataran Shamelin - 68, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur * Unit 3, 4 dan 5 * Unit 7, 8 dan 9 * Tempat letak kereta	9,934,400 9,486,400 1,710,000 21,130,800	Kompleks kedai / pejabat mengandungi 10 unit bangunan kedai / pejabat 4 - 6 tingkat
5. Bangunan Ibu Pejabat SHAMELIN - 38, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur	14,782,400	Diguna sebagai ibu pejabat Kumpulan SHAMELIN
6. Tanah kosong Lot 2704 Sek. 43, Mukim Bandar Kulim, Kedah	2,103,806	Tanah kosong untuk dijual
JUMLAH	63,049,200	

LITIGASI

KOPERASI SHAMELIN BERHAD

	JUMLAH KES	JUMLAH TUNTUTAN (RM)
1. Peringkat Perbicaraan		
i) Enam (6) orang pelabur berkaitan VC Gold	1	2,065,587.96
ii) Syed Abd Rahman bin Syed Mohd	1	289,228.80
JUMLAH		

ANGGOTA

Jadual kedudukan anggota dan jumlah syer (termasuk syer bonus) mengikut pecahan kawasan sehingga 31 Disember 2014

BIL	LOKASI	ANGGOTA	JUMLAH SYER (RM)
1	Perlis	448	401,262.21
2	Kedah A	763	733,264.59
3	Kedah B	1,026	1,320,137.87
4	Kedah C	302	258,495.51
5	Kedah D	1,233	1,340,383.74
6	Kedah E	640	598,294.77
7	Kedah F	293	254,980.94
8	Kelantan A	626	755,289.61
9	Kelantan B	243	224,241.86
10	Kelantan C	314	307,168.88
11	Terengganu	391	389,607.03
12	Pulau Pinang A	392	614,473.95
13	Pulau Pinang B	540	692,730.67
14	Perak A	784	624,080.73
15	Perak B	546	429,719.68
16	Pahang A	247	251,149.08
17	Pahang B	407	518,509.77
18	Selangor A	268	342,776.14
19	Selangor B	880	1,791,453.23
20	Wilayah Persekutuan	751	1,785,834.51
21	Negeri Sembilan	506	1,187,202.76
22	Melaka	554	396,489.29
23	Johor A	336	223,840.79
24	Johor B	330	509,951.22
25	Sabah	6,322	941,019.18
26	Sarawak	352	57,989.76
27	Koperasi Anggota	23	337,657.19
28	Kategori Tidak Dapat Dikesan	2,183	2,520,913.85
	JUMLAH	21,700	19,808,918.81

Pecahan pegangan syer anggota

JUMLAH PEGANGANG SYER	DAPAT DIKESAN (DK)		TIDAK DAPAT DIKESAN (TDK)		JUMLAH KESELURUHAN	
	JUMLAH ANGGOTA	JUMLAH SYER (RM)	JUMLAH ANGGOTA	JUMLAH SYER (RM)	JUMLAH ANGGOTA (DK+TDK)	JUMLAH SYER (RM)
100.00 > 199.99	9,446	1,332,633.36	-	-	9,446	1,332,633.36
200.00 > 499.99	2,203	725,992.47	319	106,796.94	2,522	832,789.41
500.00 > 999.99	3,940	2,928,846.51	1,011	1,741,789.39	4,951	4,670,635.90
1,000.00 > 2,999.99	3,242	5,113,939.30	776	188,957.39	4,018	5,302,896.69
3,000.00 > 4,999.99	334	1,282,304.03	48	181,907.99	382	1,464,212.02
5,000.00 > 9,999.99	198	1,323,919.21	20	135,296.74	218	1,459,215.95
10,000.00 > 49,999.99	144	4,177,005.37	9	166,175.40	153	4,343,180.77
50,000.00 dan ke atas	10	403,354.71	-	-	10	403,354.71
JUMLAH	19,517	17,287,994.96	2,183	2,520,923.85	21,700	19,808,918.81

TABUNG PENDIDIKAN DAN KEBAJIKAN

Jadual butiran pemberian manfaat Tabung Pendidikan dan Kebajikan tahun 2014 bagi tempoh 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014

BIL	KAWASAN	HADIAH CEMERLANG AKADEMIK			SUMBANGAN INSENTIF PELAJARAN			JUMLAH KESELURUHAN	
		PERMOHONAN		MANFAAT HADIAH YANG DIKELUARKAN (RM)	PERMOHONAN		MANFAAT SUMBANGAN YANG DIKELUARKAN (RM)	PERMOHONAN YANG LAYAK	MANFAAT HADIAH & SUMBANGAN (RM)
		TERIMA	LAYAK		TERIMA	LAYAK			
1	Perlis	1	1	300.00	4	3	1,300.00	4	1,600.00
2	Kedah A	6	5	1,000.00	5	5	2,300.00	10	3,300.00
3	Kedah B	1	-	-	4	1	300.00	1	300.00
4	Kedah C	1	-	-	6	3	1,300.00	3	1,300.00
5	Kedah D	2	1	100.00	5	5	2,300.00	6	2,400.00
6	Kedah E	4	3	500.00	5	5	1,500.00	8	2,000.00
7	Kedah F	3	2	400.00	3	2	1,000.00	4	1,400.00
8	Kelantan A	7	5	900.00	12	8	3,600.00	13	4,500.00
9	Kelantan B	9	5	1,200.00	13	12	5,800.00	17	7,000.00
10	Kelantan C	5	4	700.00	3	2	800.00	6	1,500.00
11	Terengganu	3	3	500.00	3	3	1,500.00	6	2,000.00
12	Pulau Pinang A	2	2	400.00	2	-	-	2	400.00
13	Pulau Pinang B	2	1	200.00	2	2	800.00	3	1,000.00
14	Perak A	4	2	600.00	9	4	2,400.00	6	3,000.00
15	Perak B	2	2	600.00	4	3	1,500.00	5	2,100.00
16	Pahang A	2	2	500.00	2	2	1,000.00	4	1,500.00
17	Pahang B	2	1	200.00	3	2	1,000.00	3	1,200.00
18	Selangor A	1	1	100.00	-	-	-	1	100.00
19	Selangor B	6	5	1,000.00	12	11	5,100.00	16	6,100.00
20	Wilayah Persekutuan	4	2	400.00	12	9	4,100.00	11	4,500.00
21	Negeri Sembilan	-	-	-	4	1	500.00	1	500.00
22	Melaka	5	4	700.00	4	3	1,500.00	7	2,200.00
23	Johor A	4	2	300.00	1	1	500.00	3	800.00
24	Johor B	2	2	600.00	4	4	1,800.00	6	2,400.00
25	Sabah	1	-	-	-	-	-	-	-
26	Sarawak	-	-	-	-	-	-	-	-
27	Anugerah Pelajar Terbaik 2014	-	3	3,000.00	-	-	-	3	3,000.00
JUMLAH		79	58	14,200.00	122	91	41,900.00	149	56,100.00

Makluman manfaat Tabung Pendidikan dan Kebajikan Koperasi Shamelin Berhad

KATEGORI HADIAH CEMERLANG AKADEMIK		KATEGORI SUMBANGAN INSENTIF PELAJARAN	
1. Peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 ("PT3")	RM100.00	1. Diploma	RM300.00
2. Sijil Pelajaran Malaysia ("SPM")	RM200.00	2. Ijazah Sarjana Muda	RM500.00
3. Sijil Menengah Agama ("SMA")	RM200.00	3. Sarjana	RM500.00
4. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia ("STPM")	RM300.00	4. Doktor Falsafah	RM500.00
5. Sijil Tinggi Agama Malaysia ("STAM")	RM300.00		
6. Matrikulasi/Program Asasi	RM300.00		

SKIM KHAIRAT KEMATIAN

Jadual butiran pembayaran tuntutan Skim Khairat Kematian Koperasi Shamelin Berhad bagi tempoh 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014

BIL	KAWASAN	JUMLAH TUNTUTAN (ANGGOTA)		JUMLAH TUNTUTAN (TANGGUNGAN)	
		JUMLAH LAYAK MENERIMA MANFAAT	MANFAAT YANG DIBAYAR (RM)	JUMLAH LAYAK MENERIMA MANFAAT	MANFAAT YANG DIBAYAR (RM)
1	Perlis	9	16,000.00	1	500.00
2	Kedah A	15	27,500.00	-	-
3	Kedah B	20	31,500.00	-	-
4	Kedah C	7	12,000.00	-	-
5	Kedah D	14	24,500.00	-	-
6	Kedah E	10	17,000.00	1	500.00
7	Kedah F	4	6,500.00	-	-
8	Kelantan A	6	10,500.00	-	-
9	Kelantan B	4	7,000.00	-	-
10	Kelantan C	1	2,000.00	-	-
11	Terengganu	2	3,500.00	-	-
12	Pulau Pinang A	5	8,500.00	-	-
13	Pulau Pinang B	5	9,000.00	-	-
14	Perak A	9	14,000.00	2	1,000.00
15	Perak B	5	8,000.00	-	-
16	Pahang A	2	3,000.00	-	-
17	Pahang B	3	5,000.00	-	-
18	Selangor A	1	1,500.00	-	-
19	Selangor B	8	14,500.00	1	500.00
20	Wilayah Persekutuan	1	1,500.00	-	-
21	Negeri Sembilan	4	6,000.00	1	500.00
22	Melaka	1	1,500.00	1	500.00
23	Johor A	2	3,500.00	1	500.00
24	Johor B	1	1,500.00	1	500.00
25	Sabah	3	4,500.00	-	-
26	Sarawak	-	-	-	-
JUMLAH		142	240,000.00	9	4,500.00


Makluman manfaat khairat di bawah Skim Khairat Kematian Koperasi Shamelin Berhad

MENGIKUT JUMLAH PEGANGAN SYER	JUMLAH SUMBANGAN SETAHUN (RM)	BAYARAN MANFAAT KEMATIAN TANGGUNGAN (RM)	BAYARAN MANFAAT KEMATIAN ANGGOTA (RM)
Kategori 1 : Anggota syer kurang dari RM200.00	10.00	-	1,500.00
Kategori 2 : Anggota syer RM200.00 dan keatas	20.00	500.00	2,000.00

KURSUS DAN SEMINAR

NAMA	KURSUS / SEMINAR	ANJURAN
ANGGOTA LEMBAGA Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan Haji Kamarudin bin Md Noor Dato' Haji Johar bin Haji Rusi Datuk Haji Abu bin Pit Hajah Zainab binti Haji Abu Haji Md Akib bin Hashim Dato' Haji Azumu bin Haji Tak Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan Dato' Haji Hashim bin Ahmad Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim	- Kursus Wajib 2 dan 3 - Pengurusan Kewangan - Pengurusan Kewangan - Peluang-peluang Perniagaan dan Business Matching - Kursus Wajib 2 dan 3 - Pengurusan Kewangan - Pengurusan Kewangan	Maktab Kerjasama Malaysia Suruhanjaya Koperasi Malaysia Maktab Kerjasama Malaysia
PERWAKILAN Perwakilan Kawasan (165 orang) Haji Abdul Malik bin Abdullah	- Kefahaman Koperasi - Pengurusan Rekod dan Fail - Perniagaan Kedai Runcit Moden - Pengurusan Perniagaan Perkhidmatan Teksi - Asas Pengurusan Kredit	ANGKASA Maktab Kerjasama Malaysia
KAKITANGAN Muhammad Sariy Syahmi bin Mohd Khalik Fakhruddin Afiq bin Mohd Shah Norhaniza binti Abd Rani Fatimah binti A. Samad Hussin bin Md Shariff Rohana binti Hassan Saharom bin Mohd Adas Hazura binti Ahmad Bustaman Norzian binti Othman Radhiah Mardhiah binti Abdullah	- Pengurusan Perniagaan Perkhidmatan Pelancongan - Projek Angkasa-Air (Sektor Umrah dan Ziarah) - Peluang-peluang Perniagaan dan Business Matching - Program Kesedaran GST kepada Gerakan Koperasi Wilayah Persekutuan - Koperasi dan Persediaan Pelaksanaan GST - Peluang Memperolehi Dana untuk Aktiviti Pembiayaan dan Pelaburan - Peluang-peluang Perniagaan dan Business Matching - Cadangan Kajian Semula Akta Koperasi 1993 - Koperasi dan Persediaan Pelaksanaan GST - Peluang Memperolehi Dana untuk Aktiviti Pembiayaan dan Pelaburan - Pelancaran CCRIS-SPeKAR dan Perbincangan Isu-isu Semasa Potongan Gaji - Taklimat Mengenai Caruman Kumpulan Wang - Konvensyen Koperasi Kredit 2014 - Cadangan Kajian Semula Akta Koperasi 1993 - Cadangan Kajian Semula Akta Koperasi 1993 - Koperasi dan Persediaan Pelaksanaan GST - Program Kesedaran GST kepada Gerakan Koperasi Wilayah Persekutuan - Pelancaran CCRIS-SPeKAR dan Perbincangan Isu-isu Semasa Potongan Gaji - Konvensyen Koperasi Kredit 2014 - Koperasi dan Persediaan Pelaksanaan GST - Koperasi dan Persediaan Pelaksanaan GST	Maktab Koperasi Malaysia ANGKASA Suruhanjaya Koperasi Malaysia Suruhanjaya Koperasi Malaysia Maktab Koperasi Malaysia KOPSYA Suruhanjaya Koperasi Malaysia ANGKASA Maktab Koperasi Malaysia KOPSYA ANGKASA Suruhanjaya Koperasi Malaysia ANGKASA ANGKASA ANGKASA Suruhanjaya Koperasi Malaysia ANGKASA ANGKASA ANGKASA Suruhanjaya Koperasi Malaysia ANGKASA ANGKASA ANGKASA Maktab Koperasi Malaysia Maktab Koperasi Malaysia

CARTA ORGANISASI



KSB SELENGGARA SDN BHD



LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN



Berdiri dari Kiri :

Haji Mohd Noor bin Bedah, Haji Ramlan bin Tarmom dan Haji Abd Latip bin Haji Md Sa'aid

Duduk dari Kiri :

Haji Hafiz bin Muhammad Hanan (Pengerusi) dan Adnan bin Salleh (Setiausaha)

MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2014

Bil	Nama	15/01/2014	19/02/2014	19/03/2014	02/04/2014	16/04/2014	08/05/2014	03/06/2014	27/08/2014	24/09/2014	17/10/2014	12/11/2014	17/12/2014	
1	Haji Hafiz bin Muhammad Hanan *	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	12/12
2	Haji Ramlan bin Tarmom **								✓	✓	X	✓	X	3/5
3	Haji Mohidin bin Ibrahim	X	X	MD	MD	MD	MD	MD						0/7
4	Haji Abd Latip bin Haji Md Sa'aid *	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	12/12
5	Haji Mohd Noor bin Bedah *	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	12/12
6	Adnan bin Salleh *	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	12/12

✓	Hadir
X	Tidak Hadir dengan maaf

	Tidak Terlibat
*	Dilantik semula bagi sesi 2014/2015

**	Dilantik bagi sesi 2014/2015
MD	Meninggal dunia pada 6 Mac 2014

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2014

1. Pendahuluan

Bagi mematuhi kehendak Akta Koperasi 1993, Seksyen 42A (1) serta Undang-undang Kecil 43 (h) maka kami Jawatankuasa Audit Dalaman ("JAD") bagi penggal 2014 / 2015 dengan ini membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2014.

2. Anggota JAD

Jawatankuasa Audit Dalaman bagi penggal 2014 / 2015 adalah terdiri daripada :

- | | | | |
|----|--|---|------------|
| 1) | Tuan Haji Hafiz bin Muhamad Hanan | - | Pengerusi |
| 2) | Encik Adnan bin Salleh | - | Setiausaha |
| 3) | Tuan Haji Abd Latip bin Haji Mohd Sa'aid | | |
| 4) | Tuan Haji Mohd Noor bin Bedah | | |
| 5) | Tuan Haji Ramlan bin Tarmom | | |

3. Skop Pengauditan

- 3.1 Melakukan pemeriksaan ke atas resit penerimaan, baucer pembayaran dan pemeriksaan mengejut ke atas peti wang tunai.
- 3.2 Menyemak minit-minit mesyuarat berkaitan kuasa berbelanja.
- 3.3 Pertanyaan bersemuka dengan Pegawai berkaitan.
- 3.4 Lawatan ke tapak projek.
- 3.5 Memeriksa kawalan aset-aset Koperasi.
- 3.6 Memerhati ke atas perjalanan pentadbiran dan pengurusan Koperasi.

Hasil dari kerja-kerja di atas yang telah dijalankan, JAD berpuas hati dengan laporan dan penjelasan yang telah diberikan.

4. Penyata kewangan Koperasi Shamelin Berhad ("KSB") bagi tahun 2014

JAD mendapati laporan berkenaan Penyata Kewangan KSB bagi tahun 2014 adalah memuaskan.

- 4.1 JAD mendapati bagi tahun 2014, hasil dari kerja keras Anggota Lembaga Koperasi dan pihak pengurusan, KSB telah memperolehi keuntungan bersih tahun semasa sebanyak RM 3,294,906.00.
- 4.2 Pelupusan hutang ragu secara berperingkat telah memberi sumbangan kepada peningkatan keuntungan KSB di samping mengurangkan kerugian tahun semasa.

5. Pandangan JAD

- 5.1 Lawatan ke luar negara yang bertujuan untuk memantau peluang projek baru adalah baik untuk dilakukan demi masa depan KSB. Walau bagaimanapun perlu di kaji terlebih dahulu dari segi potensinya supaya tidak berlaku pembaziran.
- 5.2 KSB perlu mempunyai sumber kewangan yang benar-benar kukuh dan berterusan, terutama untuk keperluan pengurusan.
- 5.3 Mengamalkan perbelanjaan secara berhemah harus berterusan.

6. Penutup

Kami JAD telah melakukan pengauditan dengan penuh ketulusan dan ikhlas demi KSB tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.


Terima kasih kepada pihak Anggota Lembaga Koperasi dan pihak pengurusan di atas kerjasama yang telah diberikan.

Kami yang benar


(HAJI HAFIZ BIN MUHAMAD HANAN)
 Pengerusi


(ADNAN BIN SALLEH)
 Setiausaha


(HAJI MOHD NOOR BIN BEDAH)
 Anggota


(HAJI ABD LATIP BIN HAJI MD SA'AID)
 Anggota


(HAJI RAMLAN BIN TARMOM)
 Anggota

KOPERASI SHAMELIN BERHAD
(Didaftarkan di Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993)

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA KOPERASI

Datuk Haji Muhammad Feisol bin Haji Hassan (Pengerusi)
Haji Kamarudin bin Md. Noor (Setiausaha)
Dato' Haji Mat Rejab bin Kassim (Bendahari)
Tan Sri Haji Abdul Rashid bin Haji Abdul Rahman
Dato' Haji Johar bin Haji Rusi
Datuk Haji Abu bin Pit
Hajah Zainab binti Haji Abu
Haji Md Akib bin Hashim
Dato' Haji Azumu bin Haji Tak
Haji Shamsuddin bin Haji Mohd Saleh
Prof. Madya Datuk Haji Mohamad Ali bin Hasan
Dato' Haji Hashim bin Ahmad

ALAMAT BERDAFTAR

38-6-4, Bangunan SHAMELIN
Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Kuala Lumpur

JURUAUDIT

Bahagian Audit Koperasi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

BANK

CIMB Bank Berhad
RHB Bank Berhad
Alliance Bank Malaysia Berhad
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad
Public Bank Berhad
Al Rajhi Bank Berhad

LAPORAN BERKANUN LEMBAGA MENGIKUT AKTA KOPERASI 1993
SEKSYEN 59(3) DAN PERENGGAN 59(1)(c)

Kami bagi pihak Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan untuk tahun berakhir **31 Disember 2014**.

Sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, kami bagi pihak Lembaga melaporkan bahawa:-

- a) Pada pendapat Lembaga, hasil operasi bagi tahun kewangan berakhir **31 Disember 2014** tidak dipengaruhi secara material oleh perkara-perkara yang abnormal sifatnya mengikut takrif subseksyen 59(4) Akta Koperasi 1993 kecuali perkara-perkara berikut:
- i. Peruntukan hutang ragu telah dibuat ke atas pembiayaan anggota tidak berbayar ('NPF') berjumlah RM3,173,516 [prinsipal (RM1,942,442) dan keuntungan (RM1,231,074)].
 - ii. Peruntukan rosotnilai sebanyak 50% ke atas kos pelaburan dalam subsidiari Shamelin Bina Sdn Bhd sebanyak RM500,000.
 - iii. Peruntukan hutang ragu sebanyak 50% ke atas amaun terhutang oleh subsidiari-subsidiari berikut :

Shamelin Bina Sdn. Bhd.	RM 657,538
Gemar Kurnia Sdn. Bhd.	RM 13,489
Kimali Construction Sdn. Bhd.	RM 10,607
